



## **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR**

#### **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

#### **PENGUATKUASAAN “OPS GEMPUR AEDES”**

Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin dengan penjagaan kesihatan awam untuk melindungi masyarakat daripada jangkitan penyakit berjangkit terutamanya peningkatan kes Denggi yang semakin ketara kebelakangan ini.

Untuk tujuan menyedarkan masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSP) dengan tema “Ops Gempur Aedes” di seluruh negara pada 8 Julai 2013. Operasi bersepadu penguatkuasaan ini melibatkan 27 lokaliti yang dikenalpasti bermasalah kejadian kes Denggi di seluruh negara. Penghuni-penghuni atau pemilik premis di lokaliti tersebut telah dimaklumkan terlebih dahulu sebelum operasi dijalankan untuk memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan adil dan telus.

Hasil daripada operasi “Ops Gempur Aedes” ini, sejumlah 11,727 buah premis telah diperiksa oleh anggota penguatkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada jumlah tersebut, 123 premis telah didapati positif dengan pembiakan nyamuk Aedes. Sebanyak 53 kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang melakukan kesalahan dengan nilai kompaun berjumlah RM 26,500.00. Sejumlah enam

buah premis diberikan arahan penutupan sementara selama tujuh hari agar kerja-kerja pembersihan dapat dijalankan. Premis-premis tersebut terdiri daripada lima buah tapak binaan dan sebuah bengkel kenderaan manakala 52 keping notis di bawah Seksyen 8 APSP telah dikeluarkan untuk arahan pembersihan premis kepada pemilik premis.

Tindakan mahkamah akan diambil kepada pemilik-pemilik yang gagal membayar kompaun dalam tempoh yang diberikan atau yang gagal mematuhi arahan kerja seperti dalam Notis Seksyen 8 yang dikeluarkan. Sekiranya disabitkan kesalahan, denda maksimum adalah berjumlah RM 10,000.00 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan bagi kesalahan kali pertama. Bagi kesalahan yang berulang, denda maksimum adalah RM 50,000.00 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati masih ada segelintir masyarakat yang masih tidak peka dengan kebersihan sekeliling dan membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes walaupun telah dimaklumkan tentang operasi ini terlebih dahulu. Kementerian Kesihatan berharap agar masyarakat dapat mengubah sikap dan bersama-sama bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan premis serta persekitaran agar bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus melaksanakan operasi penguatkuasaan APSP di seluruh negara bagi membendung peningkatan kes Denggi dan mengurangkan risiko jangkitan Denggi di kalangan masyarakat. Harapan saya adalah agar semua lapisan masyarakat dapat

bersama-sama berusaha ke arah mengubah diri kita menjadi satu masyarakat yang prihatin dan melaksanakan tanggungjawab untuk memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Bersama-samalah berusaha bagi mencapai persekitaran yang sihat.

Sekian, terima kasih.



**DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM**

**Menteri Kesihatan Malaysia**

**16 Julai 2013**